

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 21****TATACARA PENYENARAIAAN BAGI PENERIMAAN MASUK PERMULAAN**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009
	Perenggan 3.02, 4.04, 4.09, 4.14, 4.16, 4A.06, 4A.20, 4A.29, 8.16 dan 15.03
Tarikh semakan:	22 September 2011, 3 Januari 2012, 25 Mac 2013, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini menyatakan kehendak-kehendak yang berikut berhubung dengan permohonan bagi penerimaan masuk di bawah perenggan 3.02 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan:

- (a) tatacara bagi penerimaan masuk;
- (b) bentuk permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan;
- (c) aku janji dan pengesahan oleh pemohon dan pengarahnya; dan
- (d) kehendak lain yang berkaitan.

1.2 Kehendak yang dinyatakan dalam Nota Amalan ini juga terpakai bagi penerbit tersenarai yang menjalankan cadangan korporat yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar penerbit tersenarai. Walau bagaimanapun, apabila penerbit tersenarai menerbitkan sekuriti baharu, penerbit tersenarai juga mesti mematuhi kehendak-kehendak di bawah Nota Amalan 28, jika berkenaan.

2.0 Tatacara yang berhubung dengan penerimaan masuk

2.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penerimaan masuk pemohon ke Senarai Rasmi, dengan ubah suaian yang perlu, sebagaimana yang berkenaan:

- (a) pemohon mengemukakan permohonan penyenaiaan kepada SC;
- (b) SC meluluskan penyenaiaan;
- (c) pemohon memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan berserta dengan dokumen sokongan;

Nota Amalan 21
Tatacara Penyenaiaan bagi Penerimaan Masuk Permulaan

- (d) pemohon memfailkan salinan muktamad prospektus dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
- (e) Bursa memberi kelulusan bagi penerimaan masuk sekuriti;
- (f) pemohon -
 - (i) menerbitkan prospektus atau dokumen pengenalan dan tempoh tawaran dibuka, sekiranya penyenaiaan tersebut memerlukan tawaran sekuriti kepada awam;
 - (ii) mengiklankan prospektus atau dokumen pengenalan;
 - (iii) memberi Bursa bilangan salinan prospektus atau dokumen pengenalan bercetak sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa; dan
 - (iv) mengumumkan kepada Bursa, jadual waktu menunjukkan tawaran awam awal yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 di bawah;
- (h) sekiranya penyenaiaan itu memerlukan tawaran sekuriti kepada awam, pemohon mengumumkan tahap langganan dan asas penguntungan;
- (i) pemohon menerbitkan sekuriti dan notis pengumpulan;
- (j) pemohon mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkenaan mengikut perenggan 8.2 di bawah; dan
- (k) sekuriti diterima masuk ke dalam Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa.

3.0 Bentuk permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan

- 3.1 Pemohon mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN21-A; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN21-A.

4.0 Aku janji dan pengesahan

- 4.1 Pemohon mesti memberi Bursa aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-B.
- 4.2 Pemohon mesti memastikan bahawa -
- (a) tiap-tiap seorang pengarahnya memberi Bursa suatu aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-C; dan
 - (b) tiap-tiap pengarah yang dilantik atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberi Bursa surat dalam bentuk Lampiran PN21-D.

Nota Amalan 21
Tatacara Penyenaian bagi Penerimaan Masuk Permulaan

5.0 Pemberitahuan/Iklan sekuriti yang ditetapkan oleh Bursa hendaklah didepositkan dengan Depositori

5.1 Berhubung dengan penetapan oleh Bursa tentang sekuriti pemohon yang hendaklah didepositkan dengan Depositori menurut seksyen 14 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**Penetapan**"), pemohon mesti mengemukakan kepada Bursa salah satu yang berikut:

(a) pengesahan bertulis kepada Bursa bahawa maklumat yang dinyatakan dalam daftarnya termasuk alamat pemegang syernya dikemas kini dan tepat pada tarikh tidak lebih daripada 14 hari sebelum –

(i) tarikh penerbitan prospektus atau dokumen pengenalan; atau

(ii) tarikh tutup buku yang dicadangkan,

mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud pemberitahuan kepada pemegang syernya mengenai Penetapan; atau

(b) jika pemohon tidak dapat memberikan pengesahan yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a) di atas, pembayaran kepada Bursa, sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Fi bagi caj iklan yang ditanggung atau yang akan ditanggung oleh Bursa menurut seksyen 14(2) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 berhubung dengan Penetapan.

5.2 Pemohon mesti mengemukakan pengesahan yang disebut dalam perenggan 5.1(a) di atas 3 hari pasaran genap sebelum -

(a) tarikh penerbitan prospektus atau dokumen pengenalan; atau

(b) tarikh tutup buku yang dicadangkan,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

6.0 Penyenaian sekuriti yang diterbitkan dan yang belum diterbitkan

6.1 Pemohon mesti memohon kelulusan untuk menyenaraikan hanya—

(a) bahagian sekuriti yang telah diterbitkan; dan

(b) sekuriti yang akan diterbitkan berkaitan dengan permohonan penyenaian.

6.2 Sekiranya amaun tambahan yang belum diterbitkan dirizabkan bagi penerbitan berikutnya bagi maksud tertentu, pemohon mesti memohon kelulusan untuk menambahkan amaun itu ke Senarai Rasmi pada masa hadapan bagi maksud tertentu itu.

6.3 Pemohon tidak boleh memohon kelulusan bagi penyenaian apa-apa sekuriti yang tidak dirizabkan bagi penerbitan berikutnya bagi suatu maksud tertentu.

6.4 Pemohon mesti mengemukakan permohonan bagi sebut harga bagi apa-apa amaun yang dirizabkan itu yang baginya kelulusan telah diberikan menurut subperenggan 6.1(b) di atas, apabila amaun itu sebenarnya telah diterbitkan mengikut peruntukan Bab 6 Kehendak-Kehendak Penyenaian.

Nota Amalan 21
Tatacara Penyenaian bagi Penerimaan Masuk Permulaan

7.0 Pengklasifikasian pemohon

- 7.1 Pemohon mesti mencadangkan kepada Bursa pengklasifikasiannya kepada mana-mana satu sektor yang ditetapkan oleh Bursa, mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Bursa.
- 7.2 Pemohon mesti mengemukakan kepada Bursa suatu cadangan pengklasifikasiannya yang dibuat mengikut perenggan 7.1 di atas dalam bentuk yang ditetapkan oleh Bursa.
- 7.3 Pengklasifikasian adalah tertakluk kepada kelulusan Bursa. Bursa boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya mengklasifikasikan pemohon kepada apa-apa sektor lain yang difikirkannya patut.

8.0 Pengumuman kepada Bursa

- 8.1 Pemohon mesti mengumumkan jadual waktu yang menunjukkan tawaran awam awal seperti yang berikut selepas penerbitan prospektus dan sebelum tarikh penyenaian:
- (a) tarikh pembukaan dan penutupan tempoh tawaran;
 - (b) tarikh pengundian;
 - (c) tarikh pengumpulan tawaran awam awal sekuriti; dan
 - (c) tarikh penyenaian tentatif.
- 8.2 Pemohon mesti dengan serta-merta mengumumkan yang berikut kepada Bursa apabila menerima pengesahan daripada Depositori bahawa sekuriti itu sedia untuk dikreditkan ke dalam akaun sekuriti masing-masing:
- (a) tarikh sebenar penyenaian;
 - (b) jumlah bilangan syer yang akan disenaraikan;
 - (c) nama pendek saham, kod saham, kod ISIN; dan
 - (d) sektor dan pasaran yang di bawahnya sekuriti akan disenaraikan.

Lampiran PN21-A
Permohonan penyenaiaan bagi penerimaan masuk

LAMPIRAN PN21-A

BAHAGIAN A

Permohonan penyenaiaan bagi penerimaan masuk sekuriti
(perenggan 3.1(a); perenggan 3.1(a) Nota Amalan 24; perenggan 4A.06 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan)

Sila tandakan mana yang berkenaan. Sekiranya tidak berkenaan, sila nyatakan "T/B"
[Anda boleh menandakan lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

Potong mengikut kesesuaian

1.	Nama syarikat	
2.	Jenis cadangan korporat	(a) Tawaran Awam Awal ("IPO") <input type="checkbox"/> (b) Cadangan yang mengakibatkan perubahan signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar penerbit tersenarai ("RTO") <input type="checkbox"/>
	Perincian cadangan yang menjadi sebahagian daripada IPO/ RTO	
	Bilangan & jenis sekuriti yang dimohon untuk penyenaiaan & harga terbitan (jika ada)	
3.	Denominasi mata wang yang sekuriti baharu itu akan disenaraikan dan disebut harga	(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/> (b) Lain-lain: (Sila nyatakan) ----- Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperolehi? Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>
4.	TAWARAN AWAM AWAL ("IPO")	
4A	Proforma tebaran pemegangan	(a) SYER BIASA []% dan [] pemegang syer awam

Lampiran PN21-A
Permohonan penyenaaran bagi penerimaan masuk

	syer awam	(b) <u>SEKURITI BOLEH UBAH /SYER KEUTAMAAN</u> [] pemegang
4B	Tarikh tentatif penyenaaran (nyatakan)	
4C	3 pilihan teratas bagi nama pendek saham (terhad kepada 7 aksara)	(a) Pilihan 1: (b) Pilihan 2: (c) Pilihan 3:
4D	Aku janji bagi cadangan IPO	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) penyata pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung dengan perbadanan asing, dokumen berkaitan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar terkininya akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan menurut undang-undang tempat perbadanan;</p> <p>(b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemohon yang berjaya sebelum tarikh penyenaaran dan sebut harga sekuriti itu;</p> <p>(c) sekuriti akan berperingkat pari passu dalam semua aspek antara satu sama lain;</p> <p>(d) tebaran pemegang syer awam berdasarkan jumlah bilangan syer yang baginya penyenaaran dimohon oleh pemohon akan mematuhi perenggan 3.06 Kehendak-Kehendak Penyenaaran Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa") ("LR");</p> <p>(e) jadual pengagihan sebenar tebaran pemegang syer awam yang disebut dalam butiran (d) di atas, seperti pada Bahagian B(1)(d) Lampiran PN21-A, akan dikemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaaran;</p> <p>(f) jika SC mengenakan moratorium pada penjualan sekuriti, maklumat yang berikut mengenai moratorium itu akan dikemukakan kepada Depositori sebelum penyenaaran:</p> <p style="margin-left: 40px;">(i) nama pemegang sekuriti;</p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) bilangan sekuriti;</p> <p style="margin-left: 40px;">(iii) tarikh luput moratorium;</p> <p>(g) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki dipenuhi sebelum penyenaaran dan sebut harga sekuriti akan dipenuhi;</p> <p>(h) semua maklumat pengumpulan sekuriti baharu akan dikemukakan kepada Depositori untuk pengkreditan sekuriti ke dalam akaun pemegang sekuriti masing-masing;</p>

Lampiran PN21-A
Permohonan penyenaian bagi penerimaan masuk

		<p>Sekiranya ya, berikan perincian aktiviti korporat lain, termasuk tempoh masa siap pelaksanaan yang dianggarkan:</p> <p>_____</p>
5E	Proforma tebaran pemegang syer awam	<p>(a) <u>SYER BIASA</u></p> <p>[]% dan [] pemegang syer awam</p> <p>(b) <u>SEKURITI BOLEH UBAH/SYER KEUTAMAAN</u></p> <p>[] pemegang</p>
5F	Pengesahan	Kami mengesahkan bahawa tebaran pemegang syer awam berdasarkan jumlah bilangan syer yang baginya penyenaian dimohon oleh pemohon akan mematuhi perenggan 3.06 LR.
5G	Aku janji bagi RTO	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) penyata pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung dengan perbadanan asing, dokumen berkaitan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar terkininya akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan menurut undang-undang tempat pemerbadanan;</p> <p>(b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemegang yang berhak dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan dan dalam apa jua keadaan, tidak lewat daripada 4 hari pasaran selepas tarikh penyenaian dan sebut harga</p> <p>(c) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaian dan sebut harga sekuriti, akan dipenuhi;</p> <p>(d) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan untuk menghalang atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebut harga sekuriti itu termasuk apa-apa perintah, injunksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(e) dengan serta-merta memberitahu Bursa apabila menyedari, selepas pengumuman permohonan penyenaian, bahawa penerbit tersenarai telah gagal memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c) atau mana-mana hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (d) di atas; dan</p> <p>(f) untuk mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkaitan mengikut perenggan 13.2 Nota Amalan 28, jika berkenaan.</p>
6.	SKIM PENERBITAN SYER (SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA CADANGAN IPO)	
6A	Pengesahan	Kami mengesahkan bahawa Skim Penerbitan Syer mematuhi sepenuhnya Bahagian G, Bab 6 LR

Lampiran PN21-A
Permohonan penyenaaraian bagi penerimaan masuk

[Penandatanganan Penasihat Utama
yang diberi kuasa]
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

[Penandatanganan pemohon
yang diberi kuasa]
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

BAHAGIAN B**Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaaraian**

(perenggan 3.1(b); perenggan 3.1(b) dan 7.1(b) Nota Amalan 23; perenggan 3.1(b) Nota Amalan 24; perenggan 4.04 dan 4A.06 Kehendak-Kehendak Penyenaaraian)

- (1) Pemohon mesti memfailkan dokumen yang berikut bagi menyokong permohonan penyenaaraian:
- (a) salinan setiap perlembagaan dan semua pindaan hingga kini dan salinan setiap notis pendaftaran/perakuan pemerbadanan, perakuan pertukaran status dan perakuan pertukaran nama, jika ada, berserta dengan surat pematuhan menurut perenggan 2.12 dan senarai semak yang menunjukkan pematuhan peruntukan yang berkaitan Bab 7 Kehendak-Kehendak Penyenaaraian;
 - (b) salinan draf prospektus yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau draf dokumen pengenalan;
 - (c) salinan spesimen setiap denominasi perakuan kelas yang akan disenaraikan. Sekiranya pemindahan pejabat dan pendaftar disenggara di lebih daripada satu tempat, satu spesimen setiap denominasi perakuan yang digunakan di setiap pejabat (lihat Bab 8 Kehendak-Kehendak Penyenaaraian bagi bentuk dan kandungan perakuan);
 - (d) pernyataan mengenai peratusan jumlah bilangan syer yang baginya penyenaaraian dimohon yang dipegang oleh orang awam, bilangan pemegang syer awam dan proforma pengagihan syer dalam format yang berikut:

<i>Butir-butir</i>	<i>Bilangan Syer</i>	<i>Bilangan pemegang syer</i>	<i>Peratusan %</i>
--------------------	--------------------------	-----------------------------------	--------------------

Modal syer

Kurang:

*Pengarah
pemohon dan
subsidiarinya*

*Pemegang syer
substansial
pemohon (kecuali
jika pemegang
syer itu boleh
dimasukkan sebagai
"orang awam")*

*Sekutu
pengarah atau*

Lampiran PN21-A
Permohonan penyenaaran bagi penerimaan masuk

*pemegang syer substansial
pemohon*

*Pemegang syer yang
memegang kurang
daripada 100 syer* -----

Pemegangan syer awam

- (e) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-B yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemohon berserta dengan cabutan sah berperaku ketetapan lembaga pengarah pemohon yang memberi kuasa kepada penandatanganan;
- (f) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-C yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah pemohon;
- (g) surat dalam bentuk Lampiran PN21-D yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah bebas pemohon;
- (h) surat daripada Penasihat Utama pemohon yang mengesahkan semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperolehi;
- (i) salinan setiap semua surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan;
- (j) cadangan mengenai pengklasifikasian pemohon dalam sektor tertentu dalam bentuk yang ditetapkan;
- (k) surat pemberitahuan yang dikeluarkan oleh pemohon bagi pelantikan pengurus penstabilan yang termasuk -
 - (i) jika pengurus penstabilan ialah Organisasi Peserta, nama, alamat perniagaan dan orang yang boleh dihubungi Organisasi Peserta, nama pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan menjalankan tindakan penstabilan;
 - (ii) jika pengurus penstabilan bukan Organisasi Peserta, nama dan alamat perniagaan orang yang dilantik sebagai pengurus penstabilan dan orang yang boleh dihubungi, nama Organisasi Peserta dan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang telah dilantik untuk menjalankan tindakan penstabilan;
 - (iii) jika pengurus penstabilan dilantik di luar Malaysia, nama, alamat dan orang yang boleh dihubungi pengurus penstabilan yang dilantik di wilayah bidang kuasa itu, nama, alamat dan orang yang boleh dihubungi Organisasi Peserta yang dilantik di Malaysia untuk menjalankan tindakan penstabilan di Malaysia, bersama dengan nama pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan menjalankan tindakan penstabilan di Malaysia; atau
 - (iv) suatu aku janji untuk memberitahu Bursa mengenai apa-apa perubahan selanjutnya pengurus penstabilan, pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal atau Organisasi Peserta, jika berkenaan, dengan serta-merta selepas perubahan itu; dan

Lampiran PN21-A
Permohonan penyenaian bagi penerimaan masuk

- (1) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaian yang kena dibayar.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam apa-apa hal, pemohon mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN21-B

Aku janji oleh pemohon

(Perenggan 4.1; perenggan 12.1 Nota Amalan 23; perenggan 4.1 dan 7.1 Nota Amalan 24; perenggan 4.14 Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama dan Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**")

Sebagai balasan Bursa Securities meluluskan permohonan bagi penerimaan masuk ("**Perbadanan**") ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") dan bagi sebut harga rasmi sekuriti yang diperihalkan dalam permohonan penyenaraian Perbadanan KAMI MENGAKUI bahawa Perbadanan hendaklah kekal dalam Senarai Rasmi, dan sebut harga rasmi mana-mana sekuriti Perbadanan hendaklah berterusan hanya selama yang dikehendaki oleh Bursa Securities.

KAMI SELANJUTNYA MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan Kaedah-Kaedah Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi Perbadanan.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Aku Janji di atas telah ditandatangani oleh saya sebagai [pangkat]
..... [nama Perbadanan] menurut kuasa yang diberikan kepada saya melalui ketetapan lembaga pengarah Perbadanan pada

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

** Terpakai bagi pemohon asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN21-C

Aku janji oleh pengarah pemohon /perbadanan tersenarai

(perenggan 4.2(a); perenggan 12.2(a) dan 7.2 Nota Amalan 23; perenggan 4.2(a) Nota Amalan 24; perenggan 4.14, 4A.29, 8.16 dan 15.03(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah [nama pemohon/
perbadanan tersenarai ("**Perbadanan**") yang #telah mengemukakan permohonan kepada Bursa
Malaysia Securities berhad ("**Bursa Securities**") untuk diterima masuk ke dalam Senarai Rasmi
Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") / #disenaraikan dalam Senarai Rasmi Bursa Securities.

Sebagai balasan Bursa Securities #meluluskan permohonan Perbadanan bagi penerimaan masuk ke
dalam Senarai Rasmi / membenarkan penyenaraian berterusan Perbadanan dalam Senarai Rasmi,
SAYA MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian
Pasaran Utama Bursa Securities termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa,
setakat yang pindaan itu terpakai bagi saya sebagai pengarah Perbadanan.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini
ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal
menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....

Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN21-D

Surat pengesahan oleh pengarah bebas pemohon/perbadanan tersenarai

(Perenggan 4.2(b); perenggan 12.2(b) Nota Amalan 23; perenggan 4.2(b) Nota Amalan 24; perenggan 4.14, 4A.29, 8.16 dan 15.03(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pengesahan "kebebasan" menurut Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah. [nama pemohon/perbadanan tersenarai yang #telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities /#disenaraikan dalam Senarai Rasmi Bursa Securities.

Saya MENGESAHKAN DAN MENGAKU bahawa saya ialah pengarah bebas sebagaimana yang ditakrifkan di bawah perenggan 1.01 Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

**Pengesahan ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Pengesahan ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....

Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah bebas asing sahaja.

[Lampiran Tamat]